

# Terap kefahaman integriti, benci rasuah sejak kecil

Rasuah menjadi perbualan dalam masyarakat sejak sekian lama. Terbaru, Presiden CEUPACS, Adnan Mat menyentuh dilema penjawat awam yang enggan melaporkan kesalahan rasuah berikutan kesukaran yang akan dialami mereka pada masa hadapan seperti dilaporkan BH, semalam. Hal ini menyebabkan laporan kes rasuah dalam kalangan penjawat awam sendiri menjadi rendah.

Hakikatnya, rasuah dianggap sebagai barah oleh dunia. Setiap tahun, indeks rasuah dikeluarkan untuk mengkategorikan negara berdasarkan tahap aktiviti, persepsi dan pembabit dalam aktiviti rasuah. Malaysia antara negara dikategorikan sebagai negara terbabit secara langsung ataupun tidak langsung dalam aktiviti tidak sihat ini.

Negara yang mempunyai tahap pembangunan rendah mempunyai keberangkalian tinggi, menunjukkan hubungan kait dengan tahap keterlibatan mereka yang tinggi dalam rasuah. Justeru, Malaysia yang ingin menuju status negara maju menjelang 2030, perlu memastikan masyarakat bersih dan terhindar aktiviti rasuah ini.

Dari segi sosial, rasuah diklasifikasikan sebagai sebarang bentuk perbuatan ataupun aktiviti yang mendatangkan imbuhan dan kepentingan diri kita ataupun memberikan keistimewaan kepada orang lain yang mempunyai hubungan baik atau hubungan kait dengan kita.

Imbuhan itu berbentuk wang ringgit, harta benda dan benda-benda ataupun percutian, malah boleh dalam pelbagai bentuk lagi.

Rasuah akan menyebabkan berlakunya pelanggaran proses ataupun prosedur yang ditetapkan termasuk pengajian, kehidupan masyarakat, agensi kerajaan, perniagaan, institusi pengajian tinggi, sekolah serta semua agensi yang ada dalam dunia ini.

Kita perlu berusaha memastikan jenayah rasuah ini tidak berleluasa sebelum nasi menjadi bubur kerana peringkat itu sukar kita membaiki atau mengubah.

Rasuah antara lain berlaku kerana kurang kefahaman terhadap tugas yang diamanahkan sedangkan kita khususnya penjawat awam menandatangani surat aku janji dipertanggungjawabkan sesuatu tugas yang tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang kita sendiri perse-tujui.

Ini bermakna kita memahami had batasan tugas yang boleh mengelakkan terjerumus ke dalam kancah rasuah.

Malah, terbabit dengan rasuah membuktikan ketiadaan sifat keikhlasan dan integriti dalam melaksanakan

tanggungjawab. Tanpa sifat integriti, individu atau pihak yang terbabit dengan rasuah, tidak melakukan tugas seperti diamanahkan.

Justeru, hanya mereka yang memiliki integriti sahaja yang mampu mengelakkan diri daripada gejala rasuah. Malah, mereka juga tidak memiliki empati terhadap orang lain apabila sanggup mendapatkan sesuatu hingga menyebabkan orang lain tidak mendapat peluang atau hak.

Sebagai contoh, orang yang memotong barisan untuk mendapat sesuatu kerana ada kenalan tentu menyebabkan mereka yang mengikut peraturan akan rasa terhina kerana tiada hubungan kait dengan pihak yang berautoriti di tempat berkenaan.

Mereka yang melanggar peraturan atau prosedur dengan rasuah dan salah guna kuasa tidak pernah meletakkan diri mereka dalam situasi sedemikian sebagai mangsa rasuah.

Rasuah juga berleluasa disebabkan kurangnya ilmu dan penghayatan agama. Setiap agama tidak membenarkan rasuah kerana ia akan menimbulkan diskriminasi sangat hebat. Jadi, ketatan kepada agama pasti akan menghindarkan seseorang daripada melakukan perbuatan tidak sihat ini.

Implikasi rasuah akan mewujudkan konflik dalam sesebuah masyarakat hingga berpecah belah. Bagi mereka yang mendapat layanan istimewa atau 'laluhan khas' akan seronok, sedangkan mereka tidak layak berasa tidak puas hati apabila gagal seperti dalam penawaran pekerjaan dan projek.

Dalam jangka panjang, masyarakat tidak akan mampu mencapai keharmonian disebabkan ketidakadilan, malah ramai yang akan ketinggalan dalam pembangunan. Kesannya, negara tidak mencapai kemakmuran dan kemajuan, sebaliknya akan menimbulkan konflik sangat besar, bahkan di sesetengah negara boleh menyebabkan rusuhan.

Situasi ini mengundang ketidakhar-

**Kita semua perlu sama-sama menggembeng dan menjiwai budaya membenci rasuah yang perlu disemai sejak kecil lagi. Kefahaman terhadap rasuah perlu diberikan pendedahan kepada generasi muda, malah sejak di taman didikan kanak-kanak (TADIKA) dan sekolah rendah yang seterusnya berlanjutan hingga sekolah menengah serta universiti.**

monian sedangkan keharmonian sangat diperlukan khususnya bagi negara mempunyai kepelbagaian bangsa dan agama. Kita ingin memastikan Malaysia terus aman damai kerana tidak rela ketidakpuasan hati menular dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa ini.

Kita perlu memastikan formula kestabilan dan keharmonian negara yang dilaksanakan sejak merdeka diteruskan hingga masa depan demi kelangsungan generasi akan datang.

Implikasi jangka panjang aktiviti rasuah juga boleh menimbulkan perasaan buruk sangka dan menyuburkan persepsi negatif dalam masyarakat yang antikegiatan tidak bermoral ini.

Malah, perasaan buruk sangka menyebabkan sukar kerajaan merealisasikan agenda negara menjadi negara maju pada 2030. Rakyat tidak memberi sokongan padu kerana mereka merasakan tidak dibabitkan secara langsung dalam pembangunan negara ataupun inisiatif dianjurkan kerajaan.

Kita semua perlu sama-sama menggembeng dan menjiwai budaya membenci rasuah yang perlu disemai sejak kecil lagi. Kefahaman terhadap rasuah perlu diberikan pendedahan kepada generasi muda, malah sejak di taman didikan kanak-kanak (TADIKA) dan sekolah rendah yang seterusnya berlanjutan hingga sekolah menengah serta universiti.

Kefahaman ini sebaiknya diberikan dalam bentuk pendedahan berbentuk aktiviti ataupun projek berkaitan antirasuah. Apabila kefahaman terhadap integriti dan perasaan benci rasuah dapat menyerap jauh ke dalam diri, ia akan memberi kesedaran kepada mereka terhadap risiko serta implikasi rasuah.

Apabila kesedaran itu berpotensi menjadi budaya, mereka tidak akan terbabit secara langsung mahupun tidak langsung dengan rasuah apabila dewasa. Ia sama seperti diterapkan masyarakat Jepun terhadap kebersihan yang bermula sejak kecil dan pra-sekolah hingga universiti. Apabila mereka dewasa, sifat mementingkan kebersihan sudah sebatik diri dengan mereka.

Kita juga berharap semua rakyat Malaysia bersama-sama dan berganding bahu memerangi rasuah dengan melaksanakan apa sahaja yang termampu demi kemakmuran, moral dan maruah negara tercinta.



Pendedahan berbentuk aktiviti berkaitan antirasuah terhadap remaja mampu menerapkan nilai murni dan integriti apabila dewasa kelak. (Foto Syamsi Suhaimi /BH)

Penulis adalah Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)